



PASUKAN UPM ditemubual media Jepun.



PELAJAR bersama pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan UPM.

# Kereta lumba UPM ke Jepun

**E**NAM pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih mewakili negara ke pertandingan lumba kereta *Student Formula Japan* 2016 bagi bersaing dengan 93 kereta lain dari seluruh dunia pada 3 hingga 12 September lalu di Shizuoka Prefecture, Jepun.

Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM, **Prof. Madya Ir. Dr. Azmi Yahya** berkata, pemilihan UPM sebagai satu-satunya wakil Malaysia oleh penganjur acara tersebut ialah berdasarkan kepada merit dan pengalaman dalam peringkat kebangsaan sebelum ini.

“Kereta pelajar UPM telah

bersaing dengan 93 kumpulan kereta lain untuk kategori utama, Enjin Pembakaran Antarabangsa (ICV) Class dan 13 kenderaan elektrik (EV) Class.

“Antara kriteria penilaian pertandingan itu ialah kos pembikinan, reka bentuk, ujian pandu dan dinamik, statik, pembentangan pelajar, keselamatan kereta dan perlumbaan,” katanya.

Sementara itu, ketua projek, **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd. Khairul Anuar Mohd. Ariffin** berkata, UPM pertama kali menghantar wakil ke pertandingan itu, di mana pelajar dan pensyarah yang terlibat ialah dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan.

“Pasukan UPM yang juga terdiri daripada pelajar kumpulan *Putra Motor Sport* telah memulakan projek untuk menyertai acara ini sejak bulan Februari 2015 selain pemandunya turut menjalani latihan *aptitude test*,” katanya.

Enam pelajar UPM terdiri daripada dua pemandu, iaitu Mohd Nizar Mohd. Naim dan Muhammad Ikhlidun Ishak; Cheng Mun Chun (Jurutera Struktur), Muhammad Adhar Bagus (Jurutera Elektrik), Ahmad Iffan Zailani (Jurutera Enjin) dan Muhammad Naim Ahmad (Pengurus).

Beliau berkata, objektif UPM menyertai pertandingan itu ialah untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan menggunakan teori dalam kuliah untuk industri, mendedahkan mereka dalam kerjaya kejuruteraan mekanikal dan automotif serta mempelajari ilmu bidang pembuatan di UPM.

**PEMANDU** membuat ujian akhir di litar UPM sehari sebelum kenderaan dihantar ke Jepun.

